

**KEARIFAN TRADISI ADIGURU DALAM PENGHASILAN  
TEMBIKAR *KURON* DI SABAH**  
*ADIGURU TRADITIONAL KNOWLEDGE IN THE PRODUCTION  
OF KURON POTTERY IN SABAH*

**Nurul Aisyah Othman<sup>1</sup>**  
**Salbiah Kindoyop<sup>2</sup>**  
**Humin Jusilin<sup>3</sup>**

*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
aisyahothman90@gmail.com<sup>1</sup>; salbiah.bea@gmail.com<sup>2</sup>; zumin@ums.edu.my<sup>3</sup>  
Tarikh dihantar: 28 April 2021 / Tarikh diterima: 8 November 2021*

---

**ABSTRAK**

Tembikar *kuron* dihasilkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah tetapi hanya aktif dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal yang tinggal di Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud pada hari ini. Etnik Dusun Tindal menghasilkan tembikar *kuron* melalui kearifan tradisi yang dimanipulasikan untuk mencipta barang keperluan harian daripada medium tanah liat. Kearifan tradisi ini telah diwarisi diwarisi sejak turun-temurun secara tradisi lisan dari segi proses penghasilan, teknik, motif, bahan dan teknik pembakaran *kuron*. Tembikar *kuron* yang dihasilkan mempunyai fungsi yang sinonim dengan aktiviti harian etnik Dusun Tindal, sebagai alat memasak, peralatan mengangkut dan menyimpan barangan harian. Oleh itu, penghasilan tembikar *kuron* dipercayai kerana tuntutan keperluan hidup dan kearifan mereka sejak turun-temurun. Kajian ini akan memfokuskan kearifan tradisi penghasilan tembikar *kuron* oleh adiguru Puan Kantiam binti Setan yang merupakan anak kepada mendiang Adiguru Somotoi binti Lugu, iaitu seorang tokoh kraf etnik tembikar tradisional *kuron*.

**Kata kunci:** Kearifan, adiguru, penghasilan, *kuron*, Dusun Tindal.

**ABSTRACT**

*Kuron pottery is made by the Kadazandusun people in Sabah, however it is currently only actively made by the Dusun Tindal ethnic group, who dwell in Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. The Dusun Tindal ethnic group crafts kuron pottery using traditional knowledge that is utilised to manufacture daily necessities out of clay. The wisdom of this heritage has been passed down orally from generation to generation in terms of manufacturing procedures, techniques, motives, materials,*

and *kuron* burning techniques. *Kuron* pottery is connected with the Dusun Tindal ethnic group's daily activities, serving as cooking tools, equipment for transporting and storing daily things. As a result, the manufacture of *kuron* pottery is thought to be a result of the demands of their living necessities and wisdom passed down from generation to generation. The knowledge of the heritage of manufacturing *kuron* pottery by *adiguru* Puan Kantiam binti Setan, the daughter of the late *Adiguru* Somotoi binti Lugu, a traditional *kuron* ceramic ethnic craft figure, will be the emphasis of this study.

**Keywords:** *knowledge, adiguru, producing, kuron, Dusun Tindal.*

## PENGENALAN

Tembikar merupakan salah satu hasil kraf tangan dan kesenian yang dapat dikategorikan dalam kelompok budaya yang bersifat universal. Sesebuah tembikar dihasilkan dengan menggunakan kepelbagaian medium seni dalam penghasilannya. Medium seni tersebut mempunyai pertalian sejarah yang amat panjang bermula dari awal abad hingga hari ini selari dengan kewujudan masyarakat telah menghasilkannya. Tembikar telah dihasilkan berterusan sejajar dengan penggunaannya sebagai alat keperluan atau utiliti harian dari abad dahulu kala sehingga hari ini. Tembikar juga merupakan ekspresi seni yang dimanifestasikan melalui keindahan sesebuah tamadun dan masyarakat di dunia, di samping pembentuk objek-objek untuk kegunaan seharian dalam kehidupan.

Tembikar *kuron* adalah satu-satunya hasil kraf tangan etnik Dusun Tindal yang dihasilkan menggunakan bahan tanah liat. Tembikar *kuron* mempunyai fungsi yang sinonim dengan aktiviti harian etnik Dusun Tindal seperti alat memasak, peralatan mengangkut dan menyimpan barangan harian. Oleh itu, tembikar *kuron* dihasilkan kerana tuntutan keperluan hidup serta budaya pemikiran dan kearifan mereka sejak turun-temurun.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap tembikar sememangnya telah banyak ditulis oleh pengkaji sebelumnya seperti tulisan Eliean Hooper (2000) yang mengaitkan tembikar dengan adanya unsur api dalam kehidupan manusia. Api merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, api sentiasa dijaga dengan baik supaya tidak terpadam. Masyarakat silam meletakkan api di dalam lubang tanah sehingga lama-kelamaan tanah tersebut menjadi keras. Keadaan ini telah memberikan ilham kepada manusia bahawa tanah boleh dibakar dan dikeraskan.

Selain itu, Othman Mohd Yatim (1978) turut menyatakan sejarah tembikar membuktikan bahawa tembikar-tembikar telah lama wujud sejak awal wujudnya manusia, iaitu bagi memenuhi keperluan mereka sendiri dalam kehidupan harian. Walau bagaimanapun, tulisan tentang tembikar *kuron* hanya ditemui dalam dokumentasi Buku Kraftangan (2005) yang menceritakan penemuan adiguru tembikar *kuron* yang tinggal di Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. Seterusnya, tulisan Nurul Aisyah Othman dan Humin Jusilin (2016) yang membincangkan aspek-aspek seperti reka bentuk, motif, corak dan unsur-unsur estetika seperti harmoni, imbalan, kesatuan dan makna pada tembikar *kuron*.

Berdasarkan kepada kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya, timbul keinginan penyelidik untuk menghasilkan kajian analisis yang memfokuskan kepada kearifan tradisi adiguru dalam penghasilan tembikar *kuron* di Sabah. Analisis ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian yang lepas dengan tumpuan diberikan terhadap perkaitan kearifan dalam kehidupan etnik Dusun Tindal.

## **PROSES PENGHASILAN TEMBIKAR *KURON***

Proses penghasilan tembikar *kuron* mempunyai istilah khas bagi setiap aktiviti dalam pembuatan *kuron* seperti proses mengambil tanah, proses membentuk *kuron*, proses mengukir *kuron* dan proses menyalai serta membakar. Proses ini bermula dengan penggalan tanah hinggalah *kuron* terhasil dan boleh digunakan.

### **Proses 1: Menggali dan Penyediaan Tanah Liat**

Tanah liat yang digunakan untuk menghasilkan tembikar *kuron* diambil dari tebing Sungai Kiliposu di Kampung Malangkap. Tanah liat jenis ini berwarna kelabu dan perlu digali untuk mendapatkan tanah liat yang liut sifatnya. Sebelum mengambil tanah liat, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi. Tujuan pantang larang tersebut adalah untuk mendapatkan hasil tanah liat yang baik serta mengelakkan daripada bala atau malapetaka berlaku semasa dan selepas mengutip bahan tanah liat. Pantang larang yang pertama adalah tidak boleh membuat bising semasa proses mengambil tanah liat. Seterusnya, jampi dilafazkan untuk mendapatkan kebenaran daripada penghuni tempat pengambilan bahan tanah liat. Jika jampi tidak dilafazkan, maka besar kemungkinan boleh membawa penyakit atau bencana yang lain.



**Rajah 1** *Lagit* (Tanah liat)

Pada masa yang sama, jika ahli keluarga kebetulan sakit serentak semasa penyediaan tanah liat, semua kerja pembuatan akan dihentikan sehingga keadaan mengizinkan. Amalan ini telah lama dilakukan oleh pembuat tembikar di sini mengikut tradisi nenek moyang mereka. Lubang digali sedalam satu hingga dua meter seperti menggali perigi dengan menggunakan *gagamas* untuk mendapatkan tanah liat yang baik (Rajah 5). Tanah yang digali dimasukkan ke dalam *ambong*, iaitu sejenis bakul anyaman buluh. Selain penggunaan *ambong* tanah juga boleh dimasukkan ke dalam guni plastik beras supaya tidak bocor dan pecah. Kualiti tanah liat yang baik akan kelihatan berkilat dan melekat pada mata cangkul ataupun parang. Selain itu, ia juga melekat di jari apabila dipicit dan tidak putus apabila dipintal.




## **Proses 2 Pembentukan Tembikar *Kuron***


Bagi adiguru di Kampung Malangkap Kapa, mereka tidak menggunakan kuantiti yang tetap untuk membentuk sebuah *kuron*. Mereka juga tidak pernah menimbang tanah liat untuk menentukan saiz tembikar yang dihasilkan. Pengalaman dan kemahiran mereka yang akan menentukan kuantiti tanah liat yang digunakan. Menurut adiguru<sup>1</sup>, perbuatan menimbang tanah liat itu dianggap tidak sopan. Begitulah pemikiran dan falsafah adiguru yang amat menghormati kaedah penghasilan tradisi dari nenek moyang mereka.

Seterusnya, tanah liat akan diuli dan diletakkan di atas sekeping papan dan kemudian ditumbuk menggunakan batu sebesar genggam tangan. Bahan asing seperti batu, kayu dan pasir akan dibuang supaya tidak menyebabkan kerosakan semasa proses membentuk *kuron*. Kemudian, tanah akan dikepal dan dimampatkan menjadi selinder. Pembentukan selinder dilakukan dengan menghentakkan tanah ke atas papan atau peha. Kemudian, buluh berbentuk

sudip atau dikenali sebagai *lalabit* digunakan untuk memampatkan selinder tanah dengan cara memukul. Setelah silinder siap, sebatang kayu yang dipanggil *wawaron* akan digunakan untuk ditusukkan ke bahagian permukaan silinder tanah. Kayu ini juga digunakan untuk membentuk asas badan *kuron* dengan cara menolak kayu ke kiri dan kanan di dalam silinder. *Watoh* berbentuk bulat akan digunakan untuk memulakan proses pembuatan *tinan* dan *touwou kuron*.

Semasa proses ini, *kuron* perlu dipusing-pusingkan dan pukulan dilakukan supaya badan dan bahagian dasar *kuron* seimbang dan berbentuk bulat. Proses pembentukan akan bermula dari bahagian dasar ke bahagian badan *kuron*. Semasa proses ini, *kuron* perlu dipusing-pusingkan dan dipukul supaya badan dan bahagian dasar *kuron* seimbang dan berbentuk bulat. *Watoh* berfungsi sebagai penahan, manakala *lalabit* digunakan sebagai pemukul. Proses pembentukan akan bermula dari bahagian dasar ke bahagian badan *kuron*. Seterusnya, proses pembentukan *sinaring-saring* dan *kabang kuron* dilakukan. Pembentukan leher dan mulut *kuron* dilakukan dengan menggunakan bahagian belakang jari sebagai penahan. *Lalabit* pula digunakan untuk memukul dari bahagian dalam *kuron*.

|  |  |   |
|--|--|---|
|  |  |  |
| (i) Proses menumbuk tanah  | (ii) Proses pengasingan bahan  | (iii) Proses pembentukan silinder   |



**Rajah 2** Proses pembentukan tembikar *kuron*

Jari mesti berada dalam keadaan basah semasa membentuk bahagian mulut *kuron*. Selesai membentuk bahagian badan *kuron* bahagian *sompon kuron* akan dibentuk. Langkah pertama menghasilkan *sompon kuron* adalah dengan cara meleperkan tanah menggunakan jari sehingga membentuk bulat seperti piring. Kemudian, tanah yang dileperkan tadi diukur kepada bahagian dasar *kuron* supaya mudah untuk ditutup dan sepadan dengan saiz yang telah dihasilkan. Ketika menghasilkan *sompon*, alatan seperti *wawaron* turut digunakan untuk membantu proses penghasilan. Setelah selesai proses ukuran *sompon* dan *kuron*, proses seterusnya adalah menghasilkan pemegang *sompon* yang akan dihasilkan pada bahagian tengah supaya senang untuk dipegang ketika membuka dan menutup penutup *sompon*.

### **Proses 3: Melicin dan Menghias Permukaan Tembikar *Kuron***

Permukaan tembikar *kuron* yang telah siap dibentuk akan dibiarkan kering seketika sebelum melakukan proses yang seterusnya. Pada proses selanjutnya, permukaan *kuron* yang telah dihasilkan akan dilicinkan dengan menggunakan jari yang telah dibasahkan dengan air atau menggunakan span yang dicelup air kemudian disapu di permukaan *kuron* supaya menjadi licin, berkilat dan sekata. Proses melicinkan tanah ini juga bertujuan untuk membuang lebihan tanah semasa proses penghasilan dijalankan supaya kelihatan lebih kemas dan bersih.





**Rajah 3** Proses melicinkan Permukaan *Kuron*

Tembikar *kuron* yang telah licin dan kemas seterusnya akan dihiasi dengan motif yang diilhamkan dari kehidupan etnik Dusun Tindal. Antara motif utama yang digunakan ialah *sinuhak*, *tinibabar*, *nompokilikili*, *tompukili* dan *wakou*. Motif tersebut ditekap ke badan tembikar *kuron* yang masih lembab dengan menggunakan peralatan khas yang disebut *wawaron*. *Wawaron* yang digunakan adalah sejenis kayu merbau yang telah diukir motif di atas permukaannya (Rajah 4). *Wawaron* yang berukuran enam sentimeter panjang akan ditekapkan dan dipukul ke permukaan tembikar *kuron* yang masih lembab. Kemudian, *kuron* akan dibiarkan kering.



**Rajah 4** Proses menekap corak pada tembikar *kuron*

#### Proses 4: Pengeringan (*Sinilau*) dan Membakar (*Monguboh*)

Tembikar yang telah siap akan dibiarkan kering di tempat teduh. Biasanya tembikar ini diletakkan di tempat yang lebih tinggi seperti rak dinding rumah untuk mengelakkan daripada dilanggar oleh kanak-kanak atau haiwan seperti kucing. Kemudian, proses menyalai *kuron* di bawah bara kayu api dibiarkan selama seminggu bagi memastikan *kuron* benar-benar kering sebelum dibakar. Tempoh pengeringan ini bergantung kepada saiz tembikar. Jika besar saiz tembikar itu, maka tempoh masa pengeringan akan mengambil masa yang lebih lama.

*Kuron* akan disalai dalam kedudukan telungkup, iaitu bahagian mulut *kuron* berada di bawah dan begitu juga dengan penutupnya (Rajah 5). Tembikar *kuron* tidak boleh dibiarkan kering mengejut seperti menjemur di bawah sinar matahari kerana akan membuatkan tembikar itu pecah. Dinding tembikar yang nipis akan mengering dengan cepat, manakala bahagian yang tebal seperti bahagian tapak yang lambat kering akan menyebabkan partikel tanah liat yang belum kering akan menarik partikel tanah liat telah kering menjadikan dinding itu retak.



**Rajah 5** Proses menyalai *kuron*

Proses yang terakhir dalam penghasilan *kuron* adalah proses pembakaran atau *monguboh*. Proses pembakaran *kuron* ini pada peringkat pertama ialah menyusun kayu-kayu api yang diambil dari dahan atau pokok yang telah ditebang kemudian dikeringkan sehingga seminggu yang disusun secara segi empat diatas permukaan tanah. Kayu api ini disusun lebih tinggi daripada ketinggian *kuron* supaya semua permukaan *kuron* dapat dibakar secara sekata. Bahagian paling bawah akan diletakkan daun kering seperti daun kelapa dan daun pisang



supaya proses pembakaran dapat dijalankan dengan lancar. Proses pembakaran kali pertama ini dijalankan selama 40 minit. Kemudian, pada peringkat kedua pembakaran dilakukan selama 40 minit, juga dengan cara kedudukan *kuron* disusun secara telungkup dan penutup *kuron* dalam keadaan terbalik atau ke atas. Ketika proses pembakaran ini dijalankan, daun kering juga turut diletakkan pada celah-celah *kuron*. Seterusnya, kayu-kayu kering dan buluh disusun kembali pada bahagian atas sehingga menutupi semua *kuron* yang hendak dibakar seperti dalam teknik pembakaran kali pertama. Kemudian, kayu api dinyalakan dan dibiarkan sehingga proses pembakaran selesai dan api terpadam secara semula jadi. Teknik pembakaran sebanyak dua kali dijalankan supaya *kuron* dan *sompon* benar-benar masak secara sekata. Proses pembakaran ini mengambil masa selama 40 minit untuk pembakaran kali pertama dan 40 minit untuk pembakaran kali kedua.



**Rajah 6** Proses pembakaran *kuron*

Selepas pembakaran kedua, tembikar *kuron* kemudiannya akan disejukkan dengan membiarkan tembikar *kuron* menjadi sejuk di tempat pembakaran. Ia adalah proses semula jadi yang dapat mengelakkan keretakan dan pecah.



**Rajah 7** Proses penyejukan tembikar *kuron*

Proses penghasilan *kuron* secara tradisi bermula dari kearifan adiguru dalam proses mengambil tanah, pembentukan, proses melicin, proses menyalai, proses pembakaran dan penyejukan. Dapatan analisis membuktikan kearifan seorang wanita dalam menghasilkan sebuah barangan yang berfungsi tidak dapat disangkal, malahan boleh mendatangkan pendapatan untuk membantu ekonomi keluarga.

### **KEARIFAN ADIGURU DALAM PENGHASILAN TEMBIKAR *KURON***

Penghasilan tembikar *kuron* di Sabah dipercayai bermula melalui mimpi yang telah diperturunkan oleh Tuhan mereka yang disebut *Kinorohingan*<sup>2</sup>. Dalam mimpi tersebut, *Kinorohingan* menyeru supaya *kuron* dihasilkan untuk tujuan pemujaan ritual. Mengikut cerita informan<sup>3</sup>, penghasilan *kuron* kemudiannya bermula daripada aktiviti mandi sungai. Kaum wanita pada masa dahulu selalu menghabiskan masa di sungai untuk mandi dan menghilangkan bahang panas daripada terik matahari. Tebing sungai di kampung tersebut mempunyai mendapan tanah yang baik, hasil tindak balas daripada Gunung Kinabalu. Mendapan tanah yang berlaku adalah berwarna hitam dan berbeza daripada tanah yang biasa. Etnik Dusun Tindal memanggil tanah tersebut sebagai *lagit*. Oleh itu, para wanita yang datang ke kawasan sungai akan mengambil tanah tersebut dan mula membentuk objek.



**Rajah 8** Kearifan mengambil tanah liat

Tembikar *kuron* akhirnya terhasil melalui kearifan adiguru yang arif mengambil tanah liat dan membentuk objek yang berguna dalam kehidupan mereka. Pada awal pembentukan tembikar *kuron*, mereka hanya menggunakannya sebagai keperluan ritual. Namun, setelah mereka menguji dan mendapati bahawa tembikar tersebut lebih tahan jika melalui proses pembakaran, maka tembikar *kuron* kini boleh digunakan sebagai alat memasak dan menyimpan barang makanan. Keadah pembakaran tembikar *kuron* melalui dua proses, iaitu *sinalau* (menyalai) dan *monguboh* (membakar). Kaedah ini menunjukkan kearifan adiguru masyarakat Dusun Tindal dalam menghasilkan *kuron* yang lebih tahan lama.



**Rajah 9** Kearifan dalam proses pembakaran secara menyalai

Selain digunakan dalam upacara ritual, tembikar *kuron* dihasilkan sebagai sumber kegunaan dan peralatan seharian masyarakat. Kearifan adiguru menghasilkan tembikar *kuron* sebagai peralatan memasak dan tempat penyimpanan makanan. Tembikar *kuron* juga diakui telah banyak membantu kehidupan etnik Dusun dalam kegiatan pertanian, terutamanya dalam penyimpanan makanan. Mengikut kepercayaan etnik Dusun Tindal, dari segi hukum adat *kuron* digunakan sebagai simbolik utama dalam sesebuah majlis perkahwinan dan turut dijadikan sebagai bekas hantaran. Namun, kini tembikar tradisional *kuron* menjadi peralatan simbolik warisan budaya yang penting dan menjadi kebanggaan bagi etnik mereka.



**Rajah 10** Kearifan dalam penggunaan *kuron* sebagai penyimpanan tapai

Kearifan adiguru dalam penghasilan tembikar *kuron* juga dapat dilihat melalui kegunaan *kuron* sebagai tempat penyimpanan *tapai* (Rajah 3). *Tapai* merupakan minuman tradisi yang wajib dihidangkan semasa pesta keramaian seperti perkahwinan dan pesta menuai. Pada kebiasaannya, *tapai* disimpan di dalam tajau tetapi sifat tembikar *kuron* juga direka sebagai tempat minuman tradisi tersebut. Fungsi tembikar *kuron* sebagai alat penyimpanan minuman tradisi dalam majlis keramaian membuktikan bahawa tembikar *kuron* adalah satu bahan atau alat yang penting dalam kehidupan etnik Dusun Tindal.



**Rajah 11** Kearifan *Kuron* digunakan sebagai alat tarian

Selain digunakan sebagai alat memasak dan bekas penyimpanan makanan, kearifan adiguru menghasilkan tembikar *kuron* sebagai alat dalam upacara tarian tradisional (Rajah 4). Adiguru telah menghasilkan tembikar *kuron* dengan saiz yang lebih kecil bersesuaian dengan fungsinya. Etnik Dusun Tindal menamakan tembikar kecil tersebut sebagai *popogong*. Para penari dalam kalangan wanita akan memegang *popogong* semasa menari tarian yang dipanggil *sayau kapa momorun*. Tarian tersebut biasanya ditarikan apabila mereka selesai menghasilkan *kuron* pada masa dahulu. Namun, pada masa kini, tarian *sayau kapa momorun* ditarikan sewaktu pesta keramaian dan menyambut tetamu.

**Jadual 1** Analisis kearifan adiguru dalam penghasilan *kuron*

| Elemen  | Kreativiti   | Analisis Kearifan  |
|---|--|--|
| 1. Kearifan mengambil tanah liat                                    | Kemahiran mengambil tanah liat sebagai bahan utama membentuk tembikar <i>kuron</i> .                 | Kearifan mendapatkan bahan tanah liat yang sesuai dan tahan lama.  |
| 2. Kearifan dalam proses pembakaran secara menyalai                 | Kemahiran membakar secara menyalai dengan menggunakan dapur memasak kayu api dengan tempoh tertentu. | Kearifan mendapatkan suhu pembakaran yang bersesuaian dengan kelembapan dan jenis tanah tanpa menggunakan alat penyukat suhu.                            |
| 3. Kearifan dalam penggunaan <i>kuron</i> sebagai penyimpanan tapai | Kemahiran menggunakan bahan tembikar sebagai satu alat penyimpanan yang tahan lama.                  | Kearifan menggunakan bahan tembikar yang sesuai untuk menyimpan makanan agar tahan lama seperti tapai yang diyakini sedap dan berkualiti.                |
| 4. Kearifan <i>kuron</i> digunakan sebagai alat tarian              | Kemahiran menghasilkan tembikar <i>kuron</i> yang bersaiz kecil dan ringan.                          | Kearifan teknik yang menghasilkan tembikar <i>kuron</i> bersaiz kecil dan ringan sesuai dipegang semasa tarian <i>sayau kapa momorun</i> dipersembahkan. |

Jadual 1 menunjukkan analisis kearifan adiguru dalam penghasilan tembikar *kuron*. Kearifan adiguru dapat dilihat dari segi kemahiran dan kearifan dalam proses pengambilan tanah liat, proses pembakaran secara menyalai, kearifan dalam penggunaan *kuron* sebagai penyimpanan tapai dan kearifan *kuron* digunakan sebagai alat untuk tarian. Dapatan analisis membuktikan bahawa tembikar *kuron* tercipta sesuai dengan tujuan atau fungsinya sebagai satu alat yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat etnik Dusun Tindal di Sabah.



## NILAI DAN KEPERCAYAAN TERHADAP TEMBIKAR *KURON*

Nilai dan kepercayaan etnik Dusun Tindal terhadap tembikar *kuron* dapat dilihat melalui proses dan kearifan penghasilan *kuron* yang diwarisi dan masih dihasilkan sehingga kini. Oleh itu, nilai dan kepercayaan ini berkait rapat dengan adat dan kepercayaan yang diamalkan dalam kehidupan manusia, alam sekeliling dan kosmologi. Adat-adat kepercayaan tradisi ini diamalkan dan dipelihara dengan baik oleh pengamal adat yang dipanggil *bobolian*.

Secara keseluruhannya, setiap aktiviti dan penghasilan kerja tangan etnik Dusun Tindal adalah dipengaruhi oleh amalan adat dan kepercayaan tradisi mereka. Demikian juga dengan penghasilan tembikar *kuron* yang turut berfungsi sebagai salah satu alat dalam upacara ritual dan kegunaan dalam pesta keramaian. Tembikar *kuron* dihasilkan dengan penuh tradisi melalui amalan dan pantang larang semasa proses penghasilannya membuktikan etnik Dusun Tindal patuh kepada pencipta-Nya. Walau bagaimanapun, kemunculan agama dan teknologi moden masa kini telah menghakis kepercayaan tradisi sehingga mengancam penghasilan dan penggunaan tembikar *kuron* semakin berkurang. Akibatnya, hasil seni tradisional ini semakin berkurang dan tidak diminati oleh generasi moden masa kini. Oleh itu, dokumentasi penghasilan tembikar *kuron* sangat penting agar menjadi rujukan pada masa hadapan.

## PENUTUP

Kearifan adiguru dalam penghasilan tembikar *kuron* amat penting dalam mengetahui proses dan kegunaan tembikar *kuron* dalam kehidupan etnik Dusun Tindal. Penghasilan tembikar *kuron* juga menjadi lambang kepada kreativiti pemikiran dan kearifan pembuatnya. Kemahiran membuat kraf tembikar dalam kalangan etnik Dusun Tindal merupakan warisan yang diwarisi sejak zaman berzaman. Keadaan alam sekeliling yang kaya dengan bahan semula jadi juga menjadi faktor pada kelangsungan penghasilan kraf pada masa kini. Penghasilan tembikar *kuron* diharapkan dapat diteruskan agar khazanah warisan ini tidak hilang ditelan zaman.

## NOTA

<sup>1</sup> Kantian binti Setan, 72, pembuat tembikar *kuron*, Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. Temubual pada 28 Oktober 2017.

<sup>2</sup> *Kinorohingan* adalah nama panggilan kepada Tuhan atau kuasa ghaib.

<sup>3</sup> Samsiah binti Soupi. 43 Tahun. Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. Pembuat tembikar. 28 Oktober 2017.



## RUJUKAN

- Eliean Hooper. (2000). *Museums and the interpretation of visual culture*. Routledge.
- Ibrahim Darus & Sahaimi. (2005). *Tembikar Tradisional*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Nurul Aisyah Othman. (2016). *Ikongrafi reka bentuk dan motif kuron dan lapohan di Sabah*. Tesis Ijazah Sarjana Muda (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Othman Mohd Yatim. (1978). *Oriental ceramic and in West Malaysia: A study of their distribution and typology*. United Kingdom: Durham University.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2005). *Buku Tembikar Tradisional* (Edisi Pertama).
- Suresh Narayanan & Chia, S. (2014). Traditional Dusun pottery-making at Kampung Melangkap Kapa, Kota Belud, Sabah. *Sabah Society Journal*, 31, 1-11.

### Informan

- Kantiam binti Setan. 72 tahun. Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. Adiguru tembikar. 28 Oktober 2017
- Samsiah binti Soupi. 43 tahun. Kampung Malangkap Kapa, Kota Belud. Pembuat tembikar. 28 Oktober 2017.
- Suanoi Kagos, 72 tahun. Kampung Bukid, Kota Belud, Sabah. Penyimpan tembikar. 13 Januari 2018.

